

179

Tiga Profesor Baru Terima Watikah Perlantikan
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 24 Ogos 2011 17:44

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students
24 OGOS 2011/24 RAMADAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

TIGA PROFESOR BARU TERIMA WATIKAH PERLANTIKAN

UUM ONLINE: Tiga Profesor Madya telah menerima watikah perlantikan sebagai Profesor yang berkuatkuasa 2 Jun 2011 dalam satu acara ringkas sebelum Mesyuarat Majlis Profesor, di Dewan Angsana 1, EDC Universiti Utara Malaysia (UUM), petang semalam.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak telah menyampaikan watikah kepada mereka yang dilantik iaitu, Prof Dr Kamil Md Idris, Prof Dr Fatimah Wati Ibrahim dan Prof Dr Nik Kamariah Nik Mat yang kesemuanya daripada UUM *College of Business* (COB).

Sementara itu, Dr Mohamed Mustafa berkata, beliau mengucapkan tahniah kepada profesor yang baru dengan harapan mereka dapat menyemarakkan lagi keghairahan mereka dalam bidang ilmu di UUM ini.

"Tahniah kepada mereka yang dilantik dan juga syabas kerana tidak berputus asa dan saya berharap kepada Profesor yang baru dilantik agar tidak berhenti daripada menulis dan terus membuat kajian," tambah beliau lagi.

Beliau juga berharap, perlantikan mereka ini dapat menjadi pencetus semangat dan contoh kepada Profesor Madya dan Pensyarah untuk terus berusaha.

Sementara itu, Prof Dr Kamil Md Idris ketika berucap melahirkan kesyukuran keatas perlantikan beliau bersama-sama rakan yang lain sebagai Profesor pada bulan yang mulia ini dan beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan universiti kerana memberi pengiktirafan kepada mereka.

Prof Dr Fatimah Wati Ibrahim ketika ditemu bual pula berkata, perlantikan beliau ini akan menjadi pendorong kepada dirinya untuk meningkatkan kualiti kerja dan terus memberi sumbangan bakti beliau kepada UUM, agar dapat merealisasikan hasrat menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.